

BULETIN UTHM

Bil.6 Jun 2025 | ISSN 2232-0415



UTHM raih anugerah “Reka Bentuk Playbot Terbaik” ROBOCON 2025



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM raih anugerah "Reka Bentuk Playbot Terbaik" ROBOCON 2025
- 2 UTHM korban 35 haiwan ternakan sempena Aidiladha
- 3 UTHM terima sumbangan zakat RM960 ribu daripada tiga institusi
- 4 RISE 2025 tarik penyertaan 300 produk penyelidikan pelajar dan penyelidik IPT
- 5 UTHM dan Ranhill SAJ bekerjasama pulihara sumber air bawah tanah Orang Asli
- 6 Pusat Perumahan Pelajar UTHM lancar Inkubator Keusahawanan, lantik Felo Kehormat jaga kebajikan pelajar tanpa asrama
- 8 Pasukan Kebudayaan UTHM bolot anugerah di Pertandingan TVET GOT TALENT
- 9 Pejabat Kampus Lestari UTHM semai budaya kitar semula, tingkat kesedaran warga kampus
- 11 Pameran gambus di Gema Budaya Festival 2025 angkat warisan muzik tradisional Melayu
- 13 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



UTHM raih anugerah “Reka Bentuk Playbot Terbaik” ROBOCON 2025



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih anugerah “Reka Bentuk Playbot Terbaik” Pertandingan ROBOCON 2025 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 17 hingga 19 Jun lalu bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Manakala juara keseluruhan pertandingan diraih oleh pasukan UTM A dan naib juara diraih pasukan UTM B dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta tempat ketiga pula oleh Universiti Sains Malaysia (USM).

Pertandingan ROBOCON 2025 yang menghimpunkan 26 pasukan dari pelbagai institusi pengajian tinggi seluruh negara itu memberi ruang kepada mahasiswa mempamerkan kehebatan teknologi robotik dan kepintaran dalam bidang kejuruteraan mekatronik serta kecerdasan buatan.

Pertandingan itu menjadi platform praktikal ke arah melahirkan tenaga kerja masa depan dalam bidang robotik dan automasi, selaras dengan Pelan Robotik Kebangsaan yang menekankan pentingnya latihan aplikasi sebenar untuk modal insan.

Bertemakan “Robot Basketball” dengan slogan Team Effort, Ultimate Success, ROBOCON 2025 membantu mengetengahkan elemen strategi, koordinasi dan kepintaran robot secara masa nyata.

Majlis penyampaian hadiah pertandingan disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Governan dan Pembangunan) Ahmad Rizal Adnan.

Ahmad Rizal dalam ucapannya berkata pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sejak 2002 itu bukan sekadar pertandingan robotik tetapi merupakan platform strategik memperkasakan budaya inovasi dan teknologi dalam kalangan mahasiswa.

“Pertandingan ini turut mengasah kemahiran kejuruteraan, mempamerkan kreativiti, reka bentuk serta kebitaraan teknikal dalam penciptaan robot,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq yang juga Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM; Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar Jabatan Pendidikan Tinggi, Hirman Awang @ Semail dan Pengarah Jabatan Penyiaran Negeri Johor, Azman Hashim.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof. Dr. Azlinda Azman, turut hadir menyempurnakan perasmian pembukaan ROBOCON 2025 yang diadakan pada 17 Jun 2025.



UTHM korban 35 haiwan ternakan sempena Aidiladha

BATU PAHAT, 9 Jun 2025 - Bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengorbankan 24 ekor lembu dan 11 ekor kambing untuk diagihkan kepada golongan asnaf, warga kampus serta komuniti setempat.

Program Korban UTHM 2025 yang dilaksanakan di rumah sembelihan sementara Masjid Sultan Ibrahim UTHM itu telah diselenggarakan oleh Pusat Islam, dengan bantuan 70 sukarelawan terdiri daripada staf dan penduduk sekitar.

Lebih bermakna, UTHM turut menerima sumbangan seekor lembu dari pihak RHB Bank Berhad.

Menurut Pengarah Pusat Islam, Haji Shafry Salim, lebih 2000 kilogram daging diagihkan pada program korban kali ini.

“Lebih 700 kilogram daripada jumlah tersebut diagihkan kepada golongan asnaf, manakala bakinya diagihkan kepada peserta korban, staf, pelajar dan penduduk sekitar,” katanya

Tambah beliau, antara kumpulan yang menerima agihan pada kali ini adalah asnaf dari beberapa kampung sekitar UTHM, Madrasah Darul Hufaz Al-Imtiyaz, penduduk Orang Asli di Parit Sulong, pekerja kontrak pembersihan di UTHM, pekerja Southern Waste Management (SWM) Seri Gading, serta asnaf dari kariah Masjid Riyadus Solihin Parit Raja

Untuk rekod, UTHM menganjurkan program sebegini saban tahun bertujuan menyemarakkan lagi sambutan Aidiladha peringkat universiti, sekali gus sebagai tanda prihatin dalam menyalurkan sumbangan secara langsung kepada mereka yang memerlukan.

“Selain merupakan salah satu ibadah yang dituntut oleh agama Islam, pelaksanaan program ibadah korban ini juga diharap dapat menyemai semangat kerjasama serta mempererat lagi hubungan silaturahim dalam kalangan staf universiti dan penduduk setempat,” ujar Haji Shafry.





UTHM terima sumbangan zakat RM960 ribu daripada tiga institusi

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima sumbangan zakat korporat berjumlah RM960 ribu daripada tiga institusi korporat utama pada 22 Jun 2025 lalu bersempena Majlis Perasmian Penutup Karnival Mahabbah Komuniti Madani 2025 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.

Sumbangan terbesar disalurkan oleh Lembaga Tabung Haji sebanyak RM800 ribu, disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Haji Mustakim Mohamad merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji.

Sementara itu, PLUS Malaysia Berhad menyumbang sebanyak RM130 ribu, diserahkan oleh Pengurus Wilayah Selatan, Hairunizam Sa'ad.

Manakala Bank Rakyat pula menyerahkan sumbangan sebanyak RM30 ribu, diwakili oleh Pengurus Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Cawangan Batu Pahat, Hamdan Daud.

Ketiga-tiga sumbangan tersebut telah diterima secara simbolik oleh Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM, sambil disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, YB Tuan Haji Mohd. Fared Haji Mohd Khalid selaku tetamu kehormat bagi majlis penutup karnival.

Sumbangan tersebut akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk keperluan kebajikan dan pembangunan warga universiti selaras dengan komitmen UTHM dalam memperkukuh peranan institusi pendidikan tinggi sebagai agen pembangunan masyarakat.

Untuk rekod, Karnival Mahabbah Komuniti Madani 2025 merupakan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Pusat Islam, UTHM yang mengetengahkan pelbagai pengisian berteraskan nilai keagamaan, perpaduan dan kesejahteraan komuniti.





RISE 2025 tarik penyertaan 300 produk penyelidikan pelajar dan penyelidik IPT

BATU PAHAT – International Research and Innovation Symposium Competition (RISE) 2025 yang telah berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), kampus induk pada 25 dan 26 Jun lalu telah berjaya menarik penyertaan 300 produk di bawah 17 kluster hasil inovasi penyelidik dan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan juga sekolah sekitar Johor.

Untuk rekod, RISE merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), UTHM.

Menurut Pengarah ICC, Profesor Eur. Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahdan, RISE 2025 yang bertemakan 'Transformasi Digital Madani' memberi tumpuan kepada kepentingan penyelidikan, pembangunan inovasi dan pengkomersialan produk yang dihasilkan oleh universiti ke arah yang lebih cemerlang dan melangkaui batasan.

Penganjuran RISE bertujuan merancakkan lagi aktiviti penyelidikan terhadap penemuan baharu, mengetengahkan idea serta memberi peluang kepada kumpulan penyelidik tempatan mahupun antarabangsa berkongsi hasil inovasi mereka.

Tambah beliau, pada tahun ini RISE telah memperkenalkan beberapa anugerah baharu iaitu empat anugerah daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan tiga anugerah lagi bagi kategori sekolah.

RISE 2025 turut membawa pembaharuan dengan menyediakan platform kepada pempamer dalam kalangan industri untuk turut sama mempamerkan produk mereka dan berkongsi rezeki melalui penajaan bagi menjayakan program itu.

"Pada tahun ini, UTHM berjaya mendapat tajaan bernilai RM28 ribu daripada 19 agensi dalam bentuk wang tunai dan juga barangan," katanya.

Turut berlangsung, peluncuran UTHM Festival of Idea (FOI) bagi menyokong idea daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam mempamerkan idea-idea inovasi untuk diketengahkan, sekali gus sebagai usaha membangunkan negara bersama TVET menjelang 2030.





UTHM dan Ranhill SAJ bekerjasama pulihara sumber air bawah tanah Orang Asli

BATU PAHAT, 26 Jun 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Ranhill SAJ Sdn. Bhd. bekerjasama membantu komuniti Orang Asli Leboh memulihara sumber air bawah tanah mereka daripada ancaman pencemaran dalam satu program khidmat masyarakat yang diadakan 26 Jun 2025 lalu.

Seramai 41 orang telah terlibat termasuklah kakitangan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Pejabat Pengurusan Makmal, UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Yayasan UTHM, Sekretariat Pelajar Teknologi Kejuruteraan Awam (CETSS) dan Orang Asli Leboh.

Ranhill SAJ telah menyumbang penapis baharu secara *in-kind* kepada penduduk kampung sebagai tanda sokongan terhadap usaha pemeliharaan sumber air.

Melalui tajaan dana yang diperoleh daripada Yayasan UTHM, dengan kerjasama Pejabat Kampus Lestari (SCO), beberapa aktiviti telah dijalankan seperti kerja-kerja pembersihan tangki penapisan air, penggantian lapisan batu penapis, penukaran jaring dawai lama kepada yang baharu dan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar.

Pada masa yang sama, Profesor Madya Dr. Mimi Suliza Muhamad dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan turut memberi taklimat berkaitan kerja-kerja pemulihan sistem penapisan air kepada semua penduduk kampung yang hadir bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan pengurusan sumber air yang lestari.

“UTHM berharap pelaksanaan program seumpama itu dapat mengukuhkan lagi kerjasama antara bersama Ranhill SAJ dalam menangani isu komuniti yang memerlukan, sekali gus merapatkan hubungan persaudaraan sesama insan,” kata Dr. Mimi Suliza.

Sementara itu, Ketua Kampung, Tok Lim Abdul Rahman mewakili seluruh penduduk kampung amat berterima kasih kepada Ranhill SAJ atas sumbangan batu penapis tersebut dan UTHM yang telah membantu membersihkan dan menaik taraf sistem penapisan air bagi memastikan kualiti air yang lebih bersih untuk kegunaan harian mereka.





Pusat Perumahan Pelajar UTHM lancar Inkubator Keusahawanan, lantik Felo Kehormat jaga kebajikan pelajar tanpa asrama

Oleh Prof. Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim, Amirul Faiz Abdul Latif

Sebagai sebuah tempat penginapan pelajar yang turut berperanan dalam membangun jati diri dan sahsiah mahasiswa, Pusat Perumahan Pelajar (PRP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui kolej-kolej kediaman mengambil langkah strategik dengan memperkenalkan inisiatif Inkubator Keusahawanan.

Inisiatif itu berperanan sebagai platform pembangunan potensi keusahawanan dalam kalangan penghuni khususnya penghuni kolej kediaman dalam kampus.

Inkubator Keusahawanan bakal menjadi ruang sokongan dan bimbingan untuk mahasiswa mengasah kemahiran berniaga, memulakan perniagaan kecil-kecilan, serta memahami asas pengurusan perniagaan secara sistematik dan beretika.

Menurut Pengarah PRP, Prof. Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim, antara pendekatan dalam Inkubator Keusahawanan itu termasuklah penyediaan fasiliti perniagaan yang kondusif, akses luas dan mudah terhadap pelanggan, serta peluang untuk menerima latihan dan geran yang bersesuaian.

“Usaha ini sejajar dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menekankan pembangunan graduan holistik dan berdaya saing, selaras dengan agenda Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021/2025.

“Ia juga turut menyokong usaha universiti dalam melahirkan graduan bercirikan *job creator* dan bukan

sekadar *job seeker*, sekali gus menjadi platform berkesan dalam melahirkan graduan yang bersedia dengan kerjaya pada masa hadapan,” katanya.

Majlis peluncuran Inkubator Keusahawanan ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad pada 17 Jun 2025 bertempat di Dewan Aktiviti Kolej Kediaman Tun Fatimah, UTHM.

Turut berlangsung, pelantikan sembilan Felo Kehormat Kolej Kediaman Luar Kampus yang berperanan sebagai penghubung antara pelajar luar kampus dan pihak kolej kediaman bagi membantu memastikan keperluan serta kebajikan pelajar terbelas dan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, Felo Kehormat juga bertanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif dan sokongan yang berterusan kepada pelajar yang berada di luar kampus khususnya dari aspek kebajikan dan keselamatan.

Tambah Prof. Halim Irwan, peluncuran inkubator keusahawanan dan pelantikan Felo Kehormat adalah sejajar dengan perancangan Anjakan PRP 2023-2025 yang dijangkakan bakal mewujudkan ekosistem Kolej Kediaman yang lebih harmoni, berkesan dan berpusatkan pelajar.

“Inisiatif Inkubator ini dipercayai mampu melahirkan golongan mahasiswa yang bukan sahaja boleh menjana pendapatan sendiri, malah mempunyai kemahiran komunikasi dan pengurusan yang berkesan.

“Manakala lantikan Felo Kehormat pula dilihat mampu mewujudkan persekitaran penginapan luar kampus yang selamat dan harmoni,” ujarinya.

Hadir sama ke majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor. Ts.

Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, yang juga Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM dan Ketua-ketua pusat tanggungjawab di bawah Kluster Hal Ehwal Pelajar dan Almni HEPA.





Pasukan Kebudayaan UTHM bolot anugerah di Pertandingan TVET GOT TALENT

AYER KEROH - Pasukan Kebudayaan Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti (PSKU), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bolot anugerah ketika menyertai Pertandingan TVET GOT TALENT anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi pada 13 Jun 2025 lalu.

Pertandingan peringkat kebangsaan sempena sambutan Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2025 itu berlangsung di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

Pasukan Karisma Tari Teater UTHM bimbingan staf PSKU, Rosdi Abdullah yang membawa persembahan tarian kreatif telah menjuarai kategori berkumpulan, manakala Wan Hariz Zikry Wan Ahmad yang menyanyikan lagu sedetik lebih telah menjuarai kategori solo serta turut merangkul 'Anugerah Peserta Paling Popular' yang diundi oleh para penonton melalui QR Cord yang dipaparkan.

Anugerah disampaikan oleh Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia.

Untuk rekod, sebanyak 120 penyertaan di peringkat saringan, hanya 10 sahaja mara ke peringkat akhir.

Menurut Rosdi, lebih 1000 penonton membanjiri dewan MITC Melaka untuk menonton 10 persembahan hebat dari pelbagai institusi pengajian tinggi seperti universiti, kolej kemahiran, politeknik dan kolej vokasional.

"Para peserta berkumpul terdiri daripada Muhammad Ihsan Sofri, Alif Hakimi Hazrul Nazly, Nira Nabilah Baqiah Abu Bakar, Mahathir Mohd Akhar, Nur Alyaa' Syafiah Alimin, Aiman Syauqie Razali, Siti Syazlin Bahrol, Razita Ridhwah Razlan, Caleybrenna Henry dan Muhammad Azamuddin Hajijul.

"Manakala untuk kategori solo pula diwakili Wan Hariz Zikry Wan Ahmad," katanya.



Pejabat Kampus Lestari UTHM semai budaya kitar semula, tingkat kesedaran warga kampus

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pejabat Kampus Lestari (SCO) terus memperkukuh komitmennya terhadap kelestarian alam sekitar dengan menganjurkan Program "Hari Kitar Semula: Dari Kampus, Untuk Bumi 2025" pada 29 Mei lalu bertempat di Dewan Terbuka, kampus induk.

Program yang mendapat tajaan Yayasan UTHM itu diadakan bertujuan membudayakan amalan kitar semula serta meningkatkan kesedaran sivik dalam kalangan warga kampus dan komuniti sekitar.

Menurut Pengarah SCO, Prof. Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir, inisiatif itu bukan sekadar penganjuran aktiviti kitar semula, tetapi menjadi wadah pendidikan alam sekitar yang menyeluruh serta menyokong Agenda 2030 untuk Matlamat Pembangunan Mampan dan penerapan prinsip Environmental, Social and Governance (ESG) dalam kalangan warga kampus.

Program itu juga selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai matlamat Net Zero Carbon 2050, sebagaimana digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Dasar Alam Sekitar Negara.

Pada masa yang sama, program itu turut menyokong pelaksanaan konsep Extended Producer Responsibility (EPR) yang semakin ditekankan oleh kerajaan sebagai pendekatan strategik dalam pengurusan sisa pepejal yang mampan.

"Melalui kolaborasi bersama industri seperti Coca-Cola Malaysia, agensi kerajaan dan syarikat pengurusan sisa, peserta didedahkan kepada kepentingan tanggungjawab bersama antara pengguna, pengeluar dan pihak berkuasa dalam memastikan kitar semula dilakukan secara berkesan dan berimpak.

"Inisiatif sebegini diyakini mampu memperkukuh ekosistem kelestarian negara secara menyeluruh, selaras dengan peralihan ke arah ekonomi sirkular," katanya.

Program bertemakan "Dari Kampus, Untuk Bumi" itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan lebih 500 orang peserta, sekali gus mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan warga universiti terhadap isu-isu berkaitan kelestarian alam sekitar.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya pameran interaktif, kuiz berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), jualan barangan pre-loved serendah RM2.00, pertandingan membina arca daripada bahan kitar semula, serta demonstrasi kompos menggunakan kaedah cacing (vermicomposting) dan Takakura.

Aktiviti-aktiviti itu bukan sahaja memberi pendedahan berguna kepada peserta, malah turut mendorong amalan gaya hidup yang lebih mesra alam.

Acara kemuncak pula menyaksikan Pertandingan Penghantaran Bahan Kitar Semula Paling Berat antara pusat tanggungjawab.

Pejabat Bendahari muncul sebagai juara dengan kutipan sebanyak 154 kilogram, tempat kedua dimenangi oleh Natalie Chew, pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dengan kutipan 39 kilogram, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pejabat Sumber Manusia dengan jumlah 30 kilogram.

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang berjaya dikumpulkan sepanjang program adalah sebanyak 450 kilogram (kg).

Pecahan bahan yang dikumpul terdiri daripada kotak sebanyak 146kg, plastik 142kg, tin 69kg, e-waste 90kg dan kaca 3kg.

Angka itu membuktikan bahawa kesedaran dan semangat warga kampus terhadap pengurusan sisa yang bertanggungjawab semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, yang juga Menjalankan Fungsi Naib Canselor hadir menyempurnakan majlis perasmian program tersebut.

Penganjuran Program "Hari Kitar Semula: Dari Kampus, Untuk Bumi 2025" bukan sahaja menyerlahkan komitmen UTHM dalam memperjuangkan agenda alam sekitar, tetapi turut memperkukuh hubungan strategik antara universiti, agensi luar dan komuniti setempat.





Pameran gambus di Gema Budaya Festival 2025 angkat warisan muzik tradisional Melayu

Oleh Norhaslini Abd Alim

BATU PAHAT - Pameran Gambus anjuran Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersempena Gema Budaya Festival 2025 yang diadakan pada 27 hingga 29 Jun lalu kembali mengangkat warisan muzik tradisional Melayu di pentas umum.

Pameran dengan kerjasama Pejabat Daerah Batu Pahat, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Tourism Batu Pahat bertempat di Astaka Shahbandar yang dilaksanakan secara terbuka bersama komuniti Batu Pahat itu turut melibatkan kehadiran para pengengaruh dan wakil media.

Pengunjung berpeluang melihat sendiri koleksi pelbagai jenis gambus eksklusif serta mengetahui sejarah, evolusi dan keunikan alat muzik tradisional bertali ini yang berasal dari Timur Tengah.

Menurut Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Dr. Mohd Nizam Attan selaku Pakar Rujuk Bidang dan penggiat aktif seni gambus,

alat muzik itu bukan sahaja menjadi ikon budaya dalam seni warisan Melayu, malah mempunyai aura tersendiri yang cukup sinonim dengan budaya Johor khususnya dalam persembahan zapin, ghazal, samrah dan hamdolok.

Melalui pameran itu, masyarakat diajak untuk lebih menghargai nilai sejarah dan keindahan seni pembuatan serta persembahan gambus yang semakin jarang diketengahkan.

Selaras dengan objektif utama pelaksanaan Projek Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor (RICHER), PTTA dan Projek Edu-Tourism @ UTHM, yang menggabungkan budaya dan teknologi bagi mempromosikan kebudayaan warisan Johor serta menyokong inisiatif digital TVET di UTHM, 3D Virtual Tour @ Galeri Gambus Johor telah dilancarkan.

Pelancaran pameran maya itu telah diadakan pada 27 Jun 2025 bersempena dengan Majlis Pelancaran Gema Budaya Festival 2025 dan Yok Ronda Batu Pahat

yang disempurnakan oleh Mohammad Faizzuddin Azmi, Penolong Pegawai Daerah Batu Pahat selaku wakil rasmi Pegawai Daerah Batu Pahat.

Hadir sama, Ketua Pustakawan PTТА, Zaharah Abd Samad dan Dr. Mohd Nizam Attan.

3D Virtual Tour @ Galeri Gambus Johor merupakan lawatan maya interaktif yang membolehkan pengunjung menjelajah Galeri Gambus Johor yang terletak di PTТА secara visual 360°, seolah-olah berada di lokasi sebenar melalui pautan <https://ptta.uthm.edu.my/gambus-ptta.html>.

Melalui lawatan ini, pengguna boleh meneroka keseluruhan seksyen galeri, membaca informasi tentang koleksi gambus, menonton video eksklusif dan mengakses Aplikasi AR-Galeri PTТА yang menggunakan teknologi realiti terimbuh (Augmented Reality - AR) berkaitan alat muzik tradisional ini hanya melalui peranti digital.


Untuk rekod, projek pembangunan Aplikasi AR-Galeri PTТА telah direalisasikan dengan kerjasama kumpulan penyelidik daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UTHM yang merupakan SME dalam teknologi animasi seperti AR, Realiti Maya (Virtual Reality - VR), Mixed Reality (MR) dan Penerokaan Maya (Virtual Tour).

Sementara itu, Zaharah berkata dengan adanya elemen interaktif dan aplikasi digital seperti lawatan maya 360° serta teknologi AR, pameran itu bukan sahaja berupaya memelihara khazanah warisan muzik tradisional, malah berjaya menarik minat generasi muda untuk mendekati seni budaya dalam bentuk yang lebih segar dan *immersive*.

"Inisiatif ini diharap dapat menjadi pencetus kepada usaha berterusan dalam mendokumentasi, memelihara dan mempromosikan seni warisan tempatan melalui pendekatan inovatif dan inklusif," katanya.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide designed to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guiding researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulate focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tools provided, their organization, and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

